

NDRC UMS giat usaha tingkat aspek pengurusan bencana negara

UB 09.12.2023 P.02

KOTA KINABALU: Pusat Kajian Bencana Alam (NDRC), Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA), Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus giat dalam usaha meningkatkan pelbagai aspek dalam pengurusan bencana negara.

Terbaru, NDRCUMS telah terlibat dalam bengkel komuniti bertajuk Basic Social and Behaviour Change (SBC): Latihan Jurulatih (Training for Trainers, TOTs), anjuran UMS-UNICEF-Unit Penyelidikan Komunikasi Pembangunan (C4D) yang berlangsung di sini, baru-baru ini.

Menurut Pengarah NDRC, UMS, Prof. Madya Dr. Carolyn Melissa Payus, bengkel itu antara lain bertujuan memberikan latihan serta gambaran keseluruhan terhadap pendekatan dalam Proses Perubahan dalam SBC, bagi menggalakkan perubahan positif dalam tingkah laku dalam kalangan masyarakat



PENGHARGAAN: Penyampalan Sijil Penyertaan dalam Bengkel SBC-C4D UMS-UNICEF.

terutamanya berkaitan pengurangan dan pengurusan risiko bencana di Sabah.

“Usaha seperti ini perlu kerana terdapatnya keperluan penggunaan dan penyelarasan komunikasi yang lebih strategik serta berkesan untuk memastikan agar mesej, makluman serta tujuan sebenar sesuatu program yang dijalankan dapat tercapai

daripada peringkat individu, komuniti, perkhidmatan sehingga ke pembuat dasar.

“Daripada pendekatan SBC ini, dapat dilihat kaedah ini mampu menggalakkan perubahan yang positif bukan hanya dari segi pengetahuan, sikap, norma, kepercayaan masyarakat, tetapi juga terhadap perubahan tingkah laku untuk bertindak dengan

lebih betul terutamanya semasa berlakunya bencana,” katanya.

Katanya, ia juga penting kepada komuniti kerana pengetahuan terhadap risiko bencana dan kesiapsiagaan orang awam yang diperoleh daripada pendekatan komunikasi yang strategik serta berkesan pada akhirnya akan membantu mengurangkan kehilangan nyawa, kecederaan, kerosakan serta kerugian kos yang tinggi kepada negara.

Bengkel yang berlangsung selama dua hari itu diketuai oleh Ketua C4D, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Dr. Lai Che Ching @ Abdul Latif.

Antara peserta yang hadir pada bengkel itu adalah wakil-wakil dari UNICEF-Malaysia, Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah (MPMS), WH Medicare Sdn. Bhd. dan beberapa pakar penyelidik UMS dari FSSK dan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), UMS.